


SELAMAT DATANG KE SESI TAKLIMAT 2017

**Darjah 5 dan 6
13 JANUARI**



AGENDA

1. FORMAT PEPERIKSAAN DARJAH 5 & 6
2. PERINCIAN KOMPONEN PEPERIKSAAN
3. SOAL & JAWAB

PENGUASAAN 6 KEMAHIRAN:

- Kemahiran Mendengar
- Kemahiran Membaca
- Kemahiran Bertutur
- **Kemahiran Interaksi**
- Kemahiran Menulis
- **Kemahiran Interaksi Penulisan**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA LISAN SAHAJA

- Peringatan:**
- (i) Dapatkan respons peribadi daripada calon tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan video dengan menggunakan ketiga-tiga rangsangan yang diberikan. Sekiranya perlu, ungkapkan rangsangan tersebut dengan cara yang berbeza.
 - (ii) Berikan panduan kepada calon agar mereka dapat melibatkan diri secara aktif dalam perbualan dengan menggunakan rangsangan yang relevan berdasarkan respons calon.
-

Rangsangan

- (a) Bolehkah kamu menceritakan salah satu daripada perbuatan baik yang kamu saksikan dalam video tadi?
- (b) Ceritakan salah satu perbuatan baik yang pernah dilakukan oleh seseorang terhadap kamu selain daripada yang terpapar dalam video tadi.
- (c) Pada pendapat kamu, haruskah sekolah menganjurkan Minggu Berbudi? Mengapa?



Perkemahan Jejak Kembara


Hargailah Alam Semula Jadi Kita

Belum mempunyai rancangan untuk cuti sekolah akhir tahun ini? Sertailah perkhemahan kami!

12 – 14 Disember 2014
Di Taman Rekreasi Sungai Ular
Bayaran penyertaan: \$60

Nikmatilah pengalaman baharu!

- bermalam di hutan
- mandi di sungai
- mendengar kicauan burung
- melihat keindahan matahari terbit pada waktu pagi



Belajar berdikari dan bekerjasama dengan para peserta lain!



Bina stamina anda. Sertai aktiviti lasak kami!

- mendaki bukit
- berkanu

Mahu menambah pengetahuan dan kemahiran? Ikuti aktiviti yang berikut:

- memasak
- menggunakan kompas untuk mencari arah

Ayuh! Jangan tunggu lagi. Daftarlh segera!
Tempat terhad kepada 30 orang peserta.
Tinggal 10 tempat sahaja!

Tarikh tutup pendaftaran: 28 November 2014

*** Syarat penyertaan**

Peserta harus berusia antara 12 – 16 tahun, sihat dan tidak mempunyai masalah kesihatan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pegawai Perhubungan Kelab Remaja Dinamik, Encik Ramdan Azmi melalui talian 92006000. Anda juga boleh melongsuri laman web kami di www.RemajaDinamik.org.sg atau datang sendiri ke pejabat kami di 18, Jalan Tenang, Singapura 100200.

Berdasarkan brosur di halaman 4, pilih jawapan yang paling sesuai bagi Soalan 30 hingga Soalan 32. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan. Bagi Soalan 33, tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan di halaman 6.

30 Tujuan utama Perkemahan Jejak Kembara diadakan adalah untuk membolehkan para peserta _____.

- (1) menghargai alam semula jadi
- (2) melihat keindahan matahari terbit
- (3) menikmati pengalaman bermalam di hutan
- (4) mendengar kicauan burung pada waktu pagi

31 Sesiapa yang beminat untuk menyertai perkhemahan harus mendaftarkan diri dengan secepat mungkin. Hal ini disebabkan _____.

- (1) bayaran penyertaan yang dikenakan
- (2) syarat-syarat penyertaan yang dikenakan
- (3) tarikh tutup pendaftaran bagi perkhemahan
- (4) bilangan peserta yang boleh menyertai perkhemahan

32 Perkemahan ini tidak terbuka kepada semua orang. Buktinya ialah perkhemahan ini _____.

- (1) diadakan dari 12 – 14 Disember 2014
- (2) diadakan di Taman Rekreasi Sungai Ular
- (3) terbuka kepada peserta yang tidak mempunyai masalah kesihatan
- (4) terbuka kepada sesiapa yang belum mempunyai rancangan untuk cuti sekolah

Kamu mahu mengajak rakan kamu menyertai Perkemahan Jejak Kembara bersama kamu. Untuk meyakinkan rakan kamu itu, kamu harus menerangkan kepadanya dua faedah yang dapat diraih melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Gunakan informasi dalam brosur perkhemahan untuk melengkapkan pesanan ringkas di bawah ini. (4 markah)

Fahmi, selain menikmati pengalaman baharu dan belajar berdikari serta bekerjasama dengan peserta lain, _____

FORMAT PEPERIKSAAN DARJAH 5 DAN 6

KOMPONEN	MARKAH	PERATUSAN
LISAN	50	25
KEFAHAMAN MENDENGAR	20	10
KERTAS 1 - KARANGAN	40	20
KERTAS 2 – BAHASA & KEFAHAMAN	90	45
	200	100 %

Levels	Weighting					Remarks
	Term 1	Term 2	Term 3	Term 4	Overall	
P1	-	20% (HA)	30% (HA)	50% (HA)	100%	For P1-P5 HA, assessment using various assessment tasks will be given.
P2	10% (HA)	10% (HA)	10% (HA)	70% (SA2)		
P3-P4	-	30% (SA1)	-	70% (SA2)		
P5	-	30% (SA1)	10% (CA)	60% (SA2)		
* P6	100% (CA)	100% (SA)	100% (Prelim)	PSLE		Admission to Secondary School is based on pupils' results at PSLE.

UJIAN DAN PEPERIKSAAN

- Surat doktor diperlukan jika tidak hadir pada hari ujian.
- Ujian lisan sahaja yang akan diuji sekali lagi dalam masa dua minggu.
- Kefahaman Mendengar, Karangan dan Kertas Bahasa tidak ada ujian kedua.

DARJAH 5 DAN 6

- Soalan-soalan bersifat kontekstual.
- Lebih menguji kepada pemahaman murid dan aplikasi bahasa di samping menguji kosa kata dan penggunaan bahasa murid.
- Pemahaman, penggunaan dan penghafalan (lebih banyak) peribahasa.

DI SEKOLAH...

- Membiasakan diri murid-murid dengan format peperiksaan dengan membuat lebih banyak latihan bahasa dan kefahaman. (latih tubi)
- Menyediakan pelbagai bahan bacaan di dalam kelas yang sesuai dengan umur mereka.
- Perbincangan menggunakan keratan akhbar, bahan-bahan media dan sebagainya.

PERANAN IBU BAPA

- Sokongan ibu bapa / keluarga yang konsisten.
- Pelibatan aktif ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak
- Pendedahan dan penggunaan Bahasa Melayu yang konsisten dan kerap di rumah.
- Menitikberatkan pembelajaran Bahasa Melayu sama seperti subjek-subjek lain.

SESI SOAL JAWAB

Darjah 5: Cikgu Durrah
durrah_ahmad@moe.edu.sg

Darjah 6: Cikgu Faridah
faridah_abdul_hamid_a@moe.edu.sg